

Pengiktirafan jadi pembakar semangat

Aloy Setar: "Pengiktirafan ini menjadi pembakar semangat buat saya untuk terus bergiat lebih produktif dalam program kemasyarakatan," kata bekas Timbalan Rektor Kolej Universiti Insaniah (KUIN) Abdul Rahman Mustafa, 65, yang diangkat sebagai Tokoh Maal Hijrah Peringkat Negeri Kedah tahun ini.

Abdul Rahman yang di lahirkan di Kampung Permatang Pasir, Pulau Pinang, berkata, walaupun sudah bersara, usaha beliau membantu umat Islam tidak akan terhenti setakat itu saja.

"Saya kini semakin aktif dengan aktiviti kemasyarakatan melalui Jabatan Zakat Negeri Kedah dan Baitulmal," katanya kepada peminat, berita selepas ditemui pada Majlis Perhimpunan Sempe-na Sambutan Maal Hijrah Peringkat Negeri Kedah, di sini, semalam.

aspek keagamaan dan undang-undang di negeri ini, selain bergerak aktif dalam aktiviti kebajikan.

Pada majlis itu, Abdul Rahman menerima sijil dan plak penghargaan serta replika cek RM10,000 yang disampaikan oleh Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Sallehuddin Sultan Badlishah.

Sementara itu Tunku Sallehuddin dalam titah ucapanya mahu umat Islam menjaga nikmat keagamaan termasuk semangat perpaduan daripada anasir negatif berikutan ia dikhuatiri mampu merosakkan nilai keislaman.

Baginda bertitah, perpaduan dalam agama seharusnya dijaga daripada dirosakkan pelbagai anasir negatif antaranya melalui penyusunan doktrin ajaran Syiah, selain kemunculan kumpulan militan negara Islam (IS)

serta sikap taksub terhadap ajaran tasawuf yang menyimpang daripada ajaran Islam sebenar.

"Semua anasir negatif itu jika tidak ditangani secara berkesan oleh umat Islam, berupaya memberikan impak buruk terhadap agenda perpaduan.

"Nikmat Islam yang dimiliki ini, perlu dipelihara sebaik mungkin dan jagalah ia daripada anasir negatif yang mampu merosakkan nilai keislaman kita," titahnya.

Tunku Sallehuddin yang juga Tunku Temenggong Kedah bertitah, berdasarkan tema Maal Hijrah tahun ini, 'Perpaduan Nadi Transformasi Negara', baginda mahu rakyat Kedah menghayati nilai perpaduan yang dibina oleh kaum Muhajirin dan Ansar ketika zaman penghijrahan Rasulullah dari Makkah ke Madinah.



TUNKU Sallehuddin menyampaikan replika cek bernilai RM10,000 kepada Abdul Rahman (kiri) sambil diperhatikannya Mukhriz di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman.

Beliau yang mempunyai enam anak itu, kini memegang jawatan sebagai Ahli Jawatankuasa Zakat Negeri Kedah dan Pengerusi Pusat Dialisis milik Jabatan Zakat Negeri Kedah.

"Kami berusaha membunka sebuah lagi pusat dialisis